

28/09/2002

Kastam mahu pertingkat kutipan cukai

Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kastam Diraja Malaysia (KDRM) mengarahkan prosedur kutipan cukai di semua negeri ditingkatkan bagi meningkatkan perolehan negara selaras pengumuman Bajet 2003.

Penolong Kanan Pengarah Kastam (Unit Perhubungan Awam), Azis Yacub, berkata arahan Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Halil Abdul Mutalib itu bagi memastikan semua bahagian meningkatkan usaha memastikan sasaran kutipan cukai tercapai.

"Arahan itu tidak bermakna langkah yang dijalankan sebelum ini tidak berkesan tetapi kita mahu memastikan kutipan cukai lebih berkesan.

"Jabatan juga sedang mengambil langkah memperhebatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada selain meneruskan operasi mengesan pembayar cukai," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Bajet 2003 mencatat sejarah kerana buat pertama kali ia tidak membabitkan sebarang kenaikan atau pengenalan cukai baru.

Bajet yang dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu, menyediakan peruntukan RM109.8 bilion, meningkat 9.2 peratus berbanding 2002. Daripada jumlah itu, RM72.84 bilion ialah untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM36.96 bilion perbelanjaan pembangunan. Azis berkata, kastam mempunyai kakitangan mencukupi untuk tugas penguatkuasaan dan memastikan prosedur kutipan cukai berjalan lancar dan dipatuhi semua pihak termasuk pengimport dan pengeksport.

Katanya, tahun lalu pihaknya mensasarkan kutipan cukai sebanyak RM24 bilion dan berjaya membuat kutipan RM19 bilion berikutan ada pengecualian cukai dan subsidi kerajaan.

Beliau berkata, sasaran kutipan cukai sebanyak RM25 bilion menjelang akhir tahun ini dijangka dapat dicapai.

Bagaimana beliau enggan mendedahkan jumlah cukai yang berjaya dikutip setakat ini.

"Dalam tempoh dua bulan lagi, kita menjangkakan mencapai sasaran RM25 bilion itu. Kita sudah menghampiri sasarannya," katanya.

Katanya, operasi mengesan mereka yang tidak membayar cukai dan operasi bersepadu di seluruh negara melalui 'Bawa Betul, Bayar Betul' dijangka akan meningkatkan jumlah kutipan.